



Kolaborasi Bersama Pejabat SUK Perak dan SUK Perlis

INTAN Wilayah Utara (INTURA) telah bekerjasama dengan Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri Perak bagi menjayakan Program Pembangunan Modal Insan Negeri Perak Siri 1/2015 pada 8 Februari 2015 yang diadakan di Dewan Jubli Perak, INTURA.



PWU bersama para jemputan semasa Majlis Perasmian Penutup Program Pembangunan Modal Insan Negeri Perak

Majlis Perasmian Penutup Program Pembangunan Modal Insan Negeri Perak telah disempurnakan oleh YB. Dato' Haji Saarani bin Mohamad, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Perladangan, Pertanian, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

INTURA juga telah bekerjasama dengan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis untuk Kursus Pengukuhan Pasukan Pejabat SUK Perlis yang telah

diadakan pada 9-12 Februari 2015. Majlis Perasmian Penutup dan Penyampaian Sijil bagi kursus ini telah disempurnakan oleh YB. Tuan Romli bin Dai, Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis.



YB Tuan Romli b. Dai, SUK Perlis menyampaikan ucapan sebelum upacara penyampaian sijil

Tujuan kedua-dua program ini diadakan adalah untuk merapatkan hubungan sesama penjawat awam Negeri dan Persekutuan, memperoleh input-input tentang keperluan kursus bagi setiap negeri dan memperkukuhkan kolaborasi antara INTAN dan



Antara aktiviti yang dijalankan oleh warga Pejabat SUK Perlis

Kerajaan Negeri di wilayah utara selaras dengan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS).

Gotong-Royong Warga INTURA

Program Gotong-Royong Warga INTURA telah diadakan pada 1 dan 2 Februari 2015 bertempat di Bangunan Asrama Eksekutif INTURA. Program Gotong-Royong ini bermula pada pukul 8.30 pagi dan berakhir pukul 11.00 pagi yang melibatkan kerja-kerja mengecat bahu jalan terutamanya di kawasan tempat letak kereta Bangunan Asrama Eksekutif.

Tujuan gotong-royong ini diadakan adalah untuk mengembalikan keindahan dan keceriaan kawasan persekitaran Bangunan Asrama Eksekutif dan sebagai persediaan untuk Majlis Perasmian Bangunan Asrama Eksekutif yang akan

diadakan kelak. Selain itu, program ini juga merupakan platform untuk semua warga dari setiap unit untuk bertemu dan bertukar fikiran sekaligus dapat mengeratkan ukhuwah sesama warga INTURA.



PWU turut hadir meninjau Program Gotong-Royong yang dijalankan

5 Easy Ways to Go Green Right Now

1) Stop Using Plastic Grocery Bags

One of the easiest ways to start your family's sustainable journey is to stop using the disposable plastic bags at the grocery store and bring your own instead. *Reusable* plastic as well as cloth bags are available for purchase at most retail stores.

Save even more money by bringing home dinner in sacks or totes that you may already have around the house such as beach bags and light satchels. The easiest way to start this habit is by keeping reusable bags or totes in your car; preferably in the passenger seat (or floor) so that they're not forgotten as you head into the store.

2) Look for Food with Less (or Zero) Packaging

The next time you're at the grocery store choose foods that have the least amount of -- or zero -- packaging. As a society, we're very used to beautiful and clever packaging (read: marketing). It's very attractive and clever marketers know that catchy-looking products makes for good eye candy. We can essentially fall in love with the product through the packaging.

Intentionally resist the strategy. What's "in" now is naked groceries. Shop the perimeter of the grocery store where the fresh food hangs out. Purchase the loose produce instead of the lettuce in the plastic container or tomatoes in a netted bag. Coincidentally, the additional perk is that food with the least amount of packaging just happens to be the healthiest for you!

3) Grow Your Own Produce or Buy Local

Vegetable gardening and home agriculture in general is booming right now and the timing couldn't be better. Supplementing your purchased groceries with home grown vegetables means no chemicals in your family's bodies and no chemicals polluting the air.

It means fresh, inexpensive, and more flavorful food with zero "food miles" from trucking it in. I promise that you can do this no matter how much space is available to you (even in an apartment).

Don't have a garden? The next best thing is to purchase locally grown produce. Crops purchased from neighborhood farmers endure very little travel, so there's little need for refrigeration and/or processing. Plus there's no better way to stimulate the economy and support other families in your community than to purchase locally grown food.

4) Hang a Clothesline

Putting up a clothesline is hands-down one of the best ways to save energy in your home. Using the sun's rays to naturally dry your clothes not only reduces your family's carbon footprint, it keeps money in your pocket, and leaves laundry smelling fresh.

Winter may keep you from an outdoor clothesline, but laundry can be air-dried indoors during inclement weather on a collapsible drying rack. By the way, delicate clothing such as lingerie will last longer when they're air dried instead of machine dried.


5) Start a Compost Pile

Composting is sustainability at its finest. Recycling plastic and glass is only the beginning of reducing your family's garbage output. Kitchen scraps, paper towels, yard waste, plant clippings, etc., can be transformed into loamy earth through the magic of composting.

Contrary to what you may have heard, active compost piles don't produce bad odors and can be set up to look attractive (or even concealed) for urban or suburban homesteads. Best of all, you'll have rich, organic matter for your vegetable garden!

Extract from <http://www.about.com>


Bahan Bacaan Pilihan Bulan Februari



Buku ini menganalisis beberapa tajuk tertentu dalam kajian ekonomi secara teorik khususnya melibatkan gelagat ejen ekonomi mengikut perspektif Islam. Pendekatan analisis teori digunakan bagi tujuan memahami teori sesuatu tajuk tertentu secara lebih mendalam di samping dapat menghubungkan kait secara jelas di antara teori dan amalan.



Buku ini menerangkan bagaimana untuk mengaitkan program, proses, dan projek dengan organisasi dengan cara yang jelas, tepat dan munasabah. Buku ini memberikan maklumat yang diperlukan untuk menggunakan ROI (Return On Investment) demi manfaat anda dan menjadi pendukung kepada akauntabiliti yang sama.



Buku ini memberitahu kisah inspirasi tentang tikus generasi baharu yang mula mencabar andaian dan bertanya soalan-soalan penting. Tiga watak dalam buku ini iaitu Max, Zed dan Big, tidak hanya menerima keadaan mereka dan taat mengejar keju. Mereka mula mencari lebih mendalam, memeriksa, dan menilai semula kekangan yang dikatakan ada pada diri mereka.



LAPAQ DAH HATH...MANA MAKANAN TAK SAMPAI² LAGI NIH...

MAI² ...MEE DAH SAMPAI.. SAPA TAK MAKAN RUGI... SEDAP KAK ZAN MASAK..

KAK CHIK SAPU CAT BELAH BAWAH ANA BELAH ATAS... SAKIT PINGGANG...TAK BLEH TUNDUK

AKU NAK CAT KAT MANE? AKU NAK CAT KAT MANE?

HANG LA ANA... JENUH LA KAK CHIK MACAM NI...

GOTONG-ROYONG WARGA INTURA



DEPA NI MACAM NAK GADUH JA...

AKU TAK CAMPUR... BAIK AKU BLAH

EN. SAM DOK KATA APA SAMPAI MUNCUNG MULUT²

NAK LAWAN JOM AAA...

BUAT BODO... BUAT TAK TAU JA...

PN. BIB MUKA SERIUS... MACAM TAK PUAS HATI PUN ADA...

Hadis Pilihan

Komunikasi Yang Baik

Hadis

Daripada Anas RA bahawasanya Rasulullah SAW apabila bercakap sesuatu percakapan yang baik Baginda akan mengulanginya sebanyak tiga kali sehingga percakapan itu dapat difahami. Apabila Baginda pergi menemui satu-satu kaum, Baginda memberi salam kepada mereka sebanyak tiga kali.

Huraian

- 1) Peringatan kepada guru dan pengajar supaya mengambilkira dan menilai keadaan pelajar jika mereka kurang faham atau lambat faham hen-

daklah diulangi penyampaian supaya mereka faham. Sebanyak-banyak ulangan ialah tiga kali.

- 2) Percakapan yang terang dan menggunakan perkataan yang baik semasa menjelaskan sesuatu perkara adalah di anjur dalam Islam.
- 3) Islam menggalakkan seseorang supaya mengulangi sesuatu perkataan yang baik sehingga tiga kali bagi sesuatu perkataan yang diucapkan agar ianya dapat difahami dengan jelas oleh orang yang mendengar.

Sumber: JAKIM

Tahukah Anda

Waze (disebut sebagai *ways*) adalah sebuah program aplikasi navigasi geografi



berkaitan GPS bagi telefon pintar yang mempunyai sokongan GPS dan skrin paparan yang menyediakan informasi ikut urutan dan masa perjalanan yang dikemukakan pengguna dan maklumat laluan, memuat turun maklumat lokasi yang bergantung ke atas rangkaian telefon mudah alih. Waze memenangi anugerah Aplikasi Mudah Alih Terbaik Keseluruhan pada 2013 Mobile World Congress, mengalahkan Dropbox, Flipboard dan lain-lain.

Sumber: www.wikipedia.org

Kursus Sepanjang Mac 2015

KURSUS BERJADUAL


1. Kursus Komunikasi dan Persembahan Berkesan
16/03/2015 hingga 19/03/2015
2. Kursus Pengurusan Majlis Rasmi Kerajaan
23/03/2015 hingga 25/03/2015
3. Program Transformasi Minda
08/03/2015 hingga 12/03/2015
4. Bengkel Pengurusan Tatatertib
23/03/2015 hingga 25/03/2015
5. Kursus Pengukuhan Pasukan (Gred 1-16)
16/03/2015 hingga 19/03/2015
6. Kursus Kecemerlangan Pasukan Organisasi/ Jabatan
23/03/2015 hingga 26/03/2015
7. Kursus Microsoft Tips and Tricks
02/03/2015 hingga 03/03/2015
8. Bengkel Pengurusan Mesyuarat Berkualiti
23/03/2015 hingga 26/03/2015
9. Bengkel Kumpulan Inovasi dan Kreatif
09/03/2015 hingga 12/03/2015



1 Sentiasa Di Hadapan Memacu Transformasi Melalui Pembelajaran



INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA
KAMPUS WILAYAH UTARA
PETI SURAT 94, JALAN KUALA KETIL
08007 SUNGAI PETANI, KEDAH
Tel : 04-4218321 Fax : 04-4214489

 www.intanbk.intan.my/intura

 maklumbalas@intura.intan.my

 INTAN Kampus Wilayah Utara

Untuk pertanyaan kursus hubungi : **Setiausaha Kursus**

04-4218321

samb. **238** (En. Zamri b. Mohd Noor/Pn. Nazmeen bt. Shaik Daud)

samb. **118** (Pn. Mimi Noorzan bt. Abd Hamid/ Pn. Zuraida bt. Chin)